



ADNAN YAAKOB dan Mohd. Shahrar Abdullah (depan, empat dari kiri) bersama peserta Program Jelajah Milenia di Kuantan, Pahang, semalam. - MINGGUAN/MAHATHIR ALI

Tingkatkan kefahaman generasi milenium

MINGGUAN MALAYSIA (DACAAN NEGERI) 8/10/17 (AHAD) MK-21

KUANTAN 7 Okt. - Program Jelajah Milenia anjuran Persatuan Alumni Pemimpin Mahasiswa Aspirasi Malaysia (Aspirasi) yang bermula di Perlis pada 26 Ogos lalu sehingga kini mencapai 34,000 peserta khususnya penglibatan golongan muda.

Program yang mendapat kerjasama beberapa kementerian, agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) itu antara lain bertujuan meningkatkan kefahaman generasi milenium dan melengkapkan mereka dengan perkembangan terkini berkaitan dasar serta pelan rancangan pembangunan negara.

Presiden Aspirasi, Mohd. Shahrar Abdullah berkata, jumlah peserta itu dicapai menerusi pertemuan terus selain menggunakan platform media sosial dan laman sesawang.

Katanya, program berkenaan sudah singgah di tiga lokasi daripada 29 siri yang disasarkan dan sambutan diberikan oleh peserta

Program berkenaan sudah singgah di tiga lokasi daripada 29 siri yang disasarkan dan sambutan diberikan oleh peserta mewakili pelajar, mahasiswa, pemimpin negara serta ibu bapa sangat menggalakkan."

MOHD. SHAHAR ABDULLAH
Presiden Aspirasi

mewakili pelajar, mahasiswa, pemimpin negara serta ibu bapa sangat menggalakkan.

"Kita mengehendkan 1,000 orang dalam setiap siri namun sambutan menerusi dalam talian tidak kurang hebatnya.

"Umpamanya dalam program di Gambang ini, kita meletakkan sasaran 300 orang tetapi mencecah 500 peserta dan terpaksa kita

tutup," katanya selepas perasmian siri ketiga Jelajah Milenia yang disempurnakan Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob di Universiti Malaysia Pahang (UMP) Kampus Gambang, di sini hari ini.

Yang turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Dakwah Islamiah dan Tugas-Tugas Khas negeri, Datuk Syed Ibrahim Syed Ahmad; Ahli Parlimen Paya Besar, Datuk Seri Abdul Manan Ismail dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMP, Prof. Datuk Dr. Yuserrrie Zainuddin.

Jelajah Milenia adalah program inisiatif khas yang digerakkan di peringkat nasional untuk generasi pewaris negara berusia antara 10 tahun hingga 30 tahun berkonsepkan 'Malaysia Alaf Baharu' yang lebih maju dan progresif.

Menurut Mohd. Shahrar, program pertama kali dianjurkan itu menyasarkan penyertaan keseluruhan kira-kira 200,000 orang sebagai platform komunikasi dua

hala antara kerajaan dengan generasi milenium bagi membentuk sebuah negara yang lebih inklusif dan maju.

Katanya, ia juga menyediakan landasan untuk golongan muda menyalurkan aspirasi dan bersama dalam merealisasikan 'hari esok yang lebih baik' untuk Malaysia.

"Apa sahaja yang kita buat, kita mesti memberitahu anak muda hari esok adalah hari yang cerah dan boleh dimiliki," katanya.

Sementara itu, Adnan menasihatkan golongan muda termasuk penuntut institusi pengajian tinggi supaya menggunakan saluran yang betul untuk menyampaikan kritikan dan pandangan mereka kepada kerajaan.

Beliau berkata, penggunaan saluran betul membolehkan pandangan mereka diangkat untuk perhatian pihak berkaitan bagi mempercepatkan penyelesaian masalah yang dihadapi dengan lebih berkesan.